



- | |
|--|
| <p>1. TUKANG LUKIS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
E.1-2-3 EB.4 [\$515 - \$875 SEBULAN]
KEKOSONGAN= 2</p> |
|--|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau BDTVEC National Trade Certificate 3 (NTC3) / BDTVEC National Vocational Certificate (NVC) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Daerah Belait dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggaji F.4 / F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggaji F.2 / F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggaji F.4 / F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggaji F.2 / F.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Berkemahiran dalam bidang Komputer seperti 'AUTOCAD' adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam melukis pelan-pelan yang mudah adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUKANG LUKIS:

SECARA AM

1. Melukis dan menyediakan pelan-pelan projek dan peta kedudukan tapak tanah, jalanraya, longkang dan sebagainya.
2. Menyemak serta membuat perubahan atau pembetulan pada pelan-pelan yang telah dilukis.
3. Melawat atau memeriksa tempat-tempat projek yang dijalankan.



4. Membuat tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua dari semasa ke semasa

DI PEJABAT DAERAH BELAIT

1. Menyediakan pelan peta daerah, mukim untuk dibuat rujukan.
2. Membantu dalam tugas-tugas Tukang Pelan.
3. Menyediakan pelan jalan-jalan kecil untuk tawaran.
4. Menyalin pecahan tanah-tanah ke dalam sheet-sheet.
5. Menyalin pelan peta tanah TOL cadangan jalan kecil kawasan luar bandar.
6. Membantu kerja luar seperti menyediakan bahan-bahan pameran dan lain-lain.
7. Bertugas di luar pejabat jika ada arahan dari pegawai-pegawai yang berkenaan.
8. Menaip persuratan / memorandum yang diarahkan oleh pegawai atasan.
9. Menerima arahan-arahan dari ketua-ketua bahagian / unit dari semasa ke semasa.